

02/02/2001

10,000 dijangka sambut PM

TENOM, Khamis - Lebih 10,000 rakyat pelbagai kaum dijangka menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena lawatan sehari ke sini pada 24 Februari ini.

Jurucakap Bahagian Protokol dan Istiadat Pejabat Daerah Tenom berkata, segala persediaan menyambut Perdana Menteri kini sedang giat dilaksanakan dan berjalan dengan lancar.

Katanya, kira-kira 1,000 penyambut tetamu itu akan berpakaian tradisional pelbagai suku kaum negeri ini.

"Turut dipersembahkan tarian singa, koir dan persembahan tradisional suku kaum dari pelbagai etnik dan keturunan selain pertunjukan payung terjun," katanya kepada Berita Harian di sini hari ini.

Mengikut program, Dr Mahathir dijangka merasmikan upacara pecah tanah projek jalan raya Tenom-Beaufort, Taman Pertanian Sabah Lagud Sebrang dan Tugu Peringatan Antanom, dekat sini.

(END)